

Ganjaran bersih Sungai Skudai

Johor Bahru: Sebanyak 526.30 kilogram sampah berjaya dikutip oleh lebih 40 Orang Asli dari perkampungan Bakar Batu dan Sungai Temon menerusi pertandingan mengutip sampah di Sungai Skudai yang dianjurkan Jabatan Pengairan dan Saliran Johor Bahru, baru-baru ini.

Pertandingan yang disertai golongan nelayan dari perkampungan Orang Asli berdekatan itu menyaksikan Kok Usup dan Sahwal Jaafar menjadi juara dengan kutipan sampah sebanyak 190.6 kilogram.

Tempat kedua diraih Asiang Mod dan Seri Tusop (93.5 kilogram) dan tempat ketiga milik pasangan Romi Awang dan Yam Tusup (93 kilogram).



PESERTA nelayan Orang Asli mengutip sampah di Sungai Skudai.

Pemenang meraih hadiah wang tunai sebanyak RM200, tempat kedua RM150 dan tempat ketiga RM100.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Johor Bahru Khairunisah Husain berkata,

objektif pertandingan itu bagi memupuk kesedaran penjagaan alam sekitar dan sungai kepada komuniti setempat.

Katanya, peserta nelayan akan diberi RM60 untuk minyak dan token bot mereka pada pertandi-

ngan bagi mengutip sampah di sepanjang dua kilometer Sungai Skudai.

“Kita mahu terapkan nilai murni kepada masyarakat termasuk Orang Asli dengan melibatkan mereka dalam program kesedaran ini,” katanya.